

**PERSEPSI MAHASISWA PUSAT ASASI KUIS TERHADAP
KEUPAYAAN MEMBACA SURAH AL-FATIHAH**

**Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib¹, Abdul Hadi Awang², Wan
Fakhrul Razi Wan Mohamad³, Mohd Rasyidi Ali⁴, Mohd Shairawi Mohd
Noor⁵**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

faizmukmin@kuis.edu.my

ABSTRAK

Surah al-Fatihah merupakan nadi utama al-Quran kerana surah ini wajib dibaca ketika dalam setiap solat. Solat yang tidak disertakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang betul boleh merosakkan solat itu sendiri. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis persepsi Mahasiswa Pusat Asasi KUIS terhadap keupayaan membaca surah al-Fatihah. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan kaedah soal selidik. Kajian awal mendapati bahawa keyakinan diri yang didokong dengan latar belakang pengajian merupakan persepsi utama terhadap keupayaan diri membaca Surah al-Fatihah. Dapatan kajian ini boleh digunakan dalam memilih kaedah paling baik untuk mengajar membaca surah al-Fatihah dan al-Quran secara umum.

Kata kunci: *surah al-Fatihah, persepsi keupayaan diri, mahasiswa asasi.*

PENGENALAN

Mengandungi tujuh ayat dan ia adalah surah pertama yang terdapat dalam al-Quran. Surah Al-Fatihah merupakan surah yang sangat penting dalam kehidupan seorang Muslim kerana ia salah satu rukun (qawli) yang menentukan kesahihan solat seseorang. Menurut kitab al-Fiqh al-Muyassar menyatakan bahawa tertinggal satu Shiddah (sabdu) di dalam surah al-Fatihah akan membawa kepada tidak sahnya sesuatu solat (Ahmad 'Isa 'Asyur, 2003). Berdasarkan metod Usul al-Fiqh "barang yang tidak sempurna wajib itu melainkan dengannya maka ia dikira wajib" (Muhamad Sidqi bin Ahmad al-Bawruno, 1989), dalam kata lain, tidak dikira solat seseorang itu sekiranya dia tidak membaca Surah al-Fatihah. Nabi SAW telah bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

"Tiada solat bagi siapa yang tidak membaca al-Fatihah".

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Selain sebagai tunjang kepada solat, surah al-Fatihah juga merupakan surah yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Surah al-Fatihah adalah terapi meditasi terbaik dalam menangani masalah kaunseling terutama remaja masa kini berbanding penggunaan melodi muzik semata-mata (Norizan Yusof et.al, 2016). Mohd Zaki (2016) menyatakan di dalamnya terkandung beberapa prinsip penting tentang nilai tauhid yang menyentuh tentang konsep dan dasar akidah Islam yang sebenar. Surah al-Fatihah juga diangkat sebagai nadi kepada al-Quran yang mempunyai prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mampu menyediakan sistem terbaik dalam pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki oleh Islam (Abdul Hakim Abdullah et.al, 2016)

Tanggal 4 November 2013 Akhbar Utusan Malaysia Online melaporkan bahawa ramai masyarakat Islam buta huruf Al-Quran dan lemah dari aspek bacaan tajwid yang betul dan tidak menyebut huruf hijaiyyah dengan lafaz makhraj yang tepat. Fakta ini merujuk kajian Imran (2010) yang menemukan 31.3% jemaah masjid di Hulu Langat, Selangor lemah dalam bacaan surah al-Fatihah. Selain itu, dapatan kajian Saidi (2006) yang menyimpulkan 38.1% murid tingkatan satu mempunyai gred sangat lemah dalam bacaan al-Quran. Justeru itu, kajian persepsi ini penting untuk melihat apakah elemen utama yang menyumbang kepada kebolehan para pelajar membaca surah al-Fatihah dengan baik.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat persepsi-persepsi di kalangan Mahasiswa Pusat Asasi KUIS terhadap keupayaan membaca surah al-Fatihah. Kajian persepsi ini sangat penting bagi menilai kaedah terbaik dalam proses pembelajaran terutama dalam pembelajaran pengajian al-Quran.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini membincangkan persepsi-persepsi di kalangan Mahasiswa Pusat Asasi KUIS terhadap keupayaan membaca surah al-Fatihah dengan menggunakan kaedah soal selidik. Persampelan diambil secara rawak tetapi jumlah sampel adalah sama banyak mengikut bidang pengajian bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.


4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pusat Asasi menawarkan lima program asas pada tahun 2016/2017. Program-program tersebut ialah program asas Pengajian Islam, Pengurusan, Bahasa Arab, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Rajah di bawah menunjukkan taburan responden kajian.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Program

| | Kekerapan | Peratus (%) |
|--------------------|-----------|-------------|
| Pengajian Islam | 40 | 20.0 |
| Pengurusan | 40 | 20.0 |
| Bahasa Arab | 40 | 20.0 |
| Komunikasi | 40 | 20.0 |
| Teknologi Maklumat | 40 | 20.0 |
| Jumlah | 200 | 100 |

Rajah 1: Taburan Kekerapan Respondan Berdasarkan Program



Merujuk kepada Jadual 1, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 200 orang di mana sebanyak 20 peratus responden diambil daripada setiap program yang mewakili 40 orang bagi setiap program. Pemilihan responden yang sama rata ini adalah bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.

Analisis purata bagi setiap bahagian dijalankan untuk mendapatkan purata keseluruhan bagi setiap bidang dan purata keseluruhan responden (n=200). Perwakilan bagi setiap bidang adalah seperti di bawah:

| Perwakilan | Bidang |
|------------|---------------------------|
| 1 | Bidang Pengajian Islam |
| 2 | Bidang Bahasa Arab |
| 3 | Bidang Pengurusan |
| 4 | Bidang Komunikasi |
| 5 | Bidang Teknologi Maklumat |

Persepsi Terhadap Keupayaan Diri Membaca Surah Al-Fatihah.

Analisis purata bagi setiap item bagi bahagian ini dijalankan untuk mendapatkan purata tahap persepsi terhadap keupayaan diri membaca surah Al-Fatihah.

Jadual 2: Nilai Purata (Min) bagi Persepsi Terhadap Keupayaan Diri Membaca Surah Al-Fatihah Mengikut Bidang.

| Bil | Item Pemboleh Ubah | Purata Keseluruhan | | | | |
|---------------------------|--|--------------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| | | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| 1. | Saya boleh menyebut huruf-huruf dalam surah al-Fatihah dengan baik. | 4.35 | 4.18 | 4.15 | 4.25 | 3.97 |
| 2. | Saya boleh menyebut kalimah-kalimah dalam Surah al-Fatihah dengan baik. | 4.45 | 4.17 | 4.10 | 4.23 | 4.07 |
| 3. | Saya mengenali <i>waqaf</i> (tempat berhenti) dan <i>ibtida'</i> (tempat mula) dalam Surah al-Fatihah. | 4.50 | 4.30 | 4.00 | 4.08 | 3.90 |
| 4. | Saya mengetahui hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam Surah al-Fatihah. | 4.17 | 4.10 | 3.90 | 3.55 | 3.90 |
| 5. | Saya boleh membaca surah al-Fatihah mengikut hukum tajwid dengan baik. | 4.23 | 4.00 | 3.93 | 3.60 | 3.90 |
| 6. | Saya mempunyai pengetahuan tentang alunan suara dan tarannum dalam bacaan Surah al-Fatihah. | 3.32 | 3.18 | 3.40 | 3.03 | 3.45 |
| 7. | Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan alunan suara dan tarannum dengan baik. | 3.05 | 3.08 | 3.20 | 3.05 | 3.10 |
| 8. | Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan lancar dan fasih. | 4.53 | 4.38 | 4.33 | 4.18 | 3.95 |
| Purata Keseluruhan | | 4.08 | 3.92 | 3.87 | 3.74 | 3.78 |

Berdasarkan jadual 2, Pengajian Islam mendapat purata keseluruhan 4.08 bagi persepsi terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah diikuti oleh Bahasa Arab dengan 3.92, Pengurusan dengan 3.87, Teknologi

Maklumat dengan 3.78 dan Komunikasi dengan 3.74. Hasil purata keseluruhan mengikut bidang pada jadual di atas, dapat dilihat bahawa purata keseluruhan bagi persepsi terhadap keupayaan diri membaca surah al-fatihah bagi bidang Bahasa Arab, Pengurusan, Komunikasi dan Teknologi Maklumat adalah berada pada julat 3.00 sehingga 4.00. Ini bermakna persepsi responden bagi keempat-empat bidang ini adalah neutral berbanding dengan persepsi responden bagi bidang Pengajian Islam yang mempunyai purata 4.08 iaitu positif.

Majoriti pengajian mempunyai tren yang sama dalam persepsi terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah iaitu persepsi yang tinggi dalam membaca Surah al-Fatihah dengan lancar dan fasih kecuali bidang Komunikasi dan Teknologi Maklumat, masing-masing mempunyai persepsi boleh menyebut huruf-huruf dan kalimah-kalimah dalam surah al-Fatihah dengan baik. Selain itu, persepsi yang paling minima terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah pelajar Pusat Asasi KUIS ialah mampu membaca Surah al-Fatihah dengan alunan suara dan tarannum dengan baik. Namun, faktor ini masih pada tahap yang baik kerana kesemua bidang pengajian mencatatkan julat antara 3.00 sehingga 4.00.

Jadual 3: Nilai Purata (Min) bagi Persepsi Terhadap Keupayaan Diri Membaca Surah Al-Fatihah

| Bil | Item Pemboleh Ubah | Purata Keseluruhan (n=200) |
|---------------------------|--|-----------------------------------|
| 1. | Saya boleh menyebut huruf-huruf dalam surah al-Fatihah dengan baik. | 4.18 |
| 2. | Saya boleh menyebut kalimah-kalimah dalam Surah al-Fatihah dengan baik. | 4.19 |
| 3. | Saya mengenali <i>waqaf</i> (tempat berhenti) dan <i>ibtida'</i> (tempat mula) dalam Surah al-Fatihah. | 4.16 |
| 4. | Saya mengetahui hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam Surah al-Fatihah. | 3.93 |
| 5. | Saya boleh membaca surah al-Fatihah mengikut hukum tajwid dengan baik. | 3.93 |
| 6. | Saya mempunyai pengetahuan tentang alunan suara dan tarannum dalam bacaan Surah al-Fatihah. | 3.28 |
| 7. | Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan alunan suara dan tarannum dengan baik. | 3.10 |
| 8. | Saya mampu membaca Surah al-Fatihah dengan lancar dan fasih. | 4.27 |
| Purata Keseluruhan | | 3.88 |

Berdasarkan hasil purata keseluruhan pada jadual 3 di atas, dapat dilihat purata keseluruhan bagi persepsi terhadap keupayaan diri membaca surah al-fatihah adalah 3.88. Ini menunjukkan bahawa responden tidak pasti

keupayaan diri membaca surah al-fatihah namun ianya menghampiri 4.00. Dapat juga dilihat item 4 sehingga item 7 mempunyai purata diantara 3.00 sehingga 4.00 yang menyumbang kepada persepsi keseluruhan iaitu 3.88 walaupun item 1, 2, 3 dan item 8 mempunyai purata di atas 4.00. Tambahan lagi, item 7 juga mempunyai purata yang paling rendah iaitu 3.10 iaitu sangat menghampiri skala tidak pasti. Oleh hal yang demikian, secara keseluruhannya, analisis yang dijalankan mendapati bahawa responden mempunyai persepsi yang sederhana terhadap keupayaan diri mereka dalam membaca surah Al-Fatihah.

Oleh itu kertas kerja ini dapat merumuskan bahawa persepsi terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah di kalangan pelajar Pusat Asasi KUIS adalah seperti berikut:

- i. Menunjukkan pelajar mempunyai kesedaran yang tinggi untuk membaca Surah al-Fatihah dengan lancar dan fasih.
- ii. Menunjukkan pelajar kurang kesedaran dan penguasaan untuk mendalami ilmu tajwid dalam membaca Surah Al-Fatihah, sedangkan setiap orang Islam wajib mempelajari hukum tajwid seperti dalam firman Allah S.W.T.:

“Bacalah Al Quran itu dengan tartil (bertajwid)”

(Al-Muzammil: 4)

Daripada firman tersebut, menunjukkan bahawa Allah memerintahkan Nabi s.a.w. membaca al-Quran yang diturunkan kepadanya itu dengan Tartil, iaitu mengelakkan sebutan setiap huruf-hurufnya, yakni membacanya secara bertajwid.

- iii. Menunjukkan pelajar kurang kesedaran dan penguasaan untuk mendalami ilmu alunan suara dan tarannum dengan baik dalam membaca Surah Al-Fatihah.

5.0 KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa persepsi Mahasiswa Pusat Asasi KUIS terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah berada pada tahap yang sedarhana. Pelajar-pelajar perlu diberi sokongan dari semasa ke semasa demi memastikan ianya sentiasa pada tahap tinggi. Dengan itu, pencapaian pelajar-pelajar dalam membaca Surah Al-Fatihah dapat ditingkatkan lagi. Kegagalan Mahasiswa Pusat Asasi KUIS terhadap keupayaan diri membaca Surah Al-Fatihah bukan sahaja boleh menjejaskan pembacaan al-Quran semata-mata malah turut memberi kesan dalam ibadat. Sebagai contoh, bacaan surah al-Fatihah merupakan rukun di dalam solat, maka sebarang kecacatan dalam

pembacaan sudah tentu akan memberi kesan kepada solat secara keseluruhannya.

Selain itu, pada dasarnya mempelajari ilmu tajwid hanyalah fardhu kifayah tetapi kerana tuntutan membaca Al-Quran dengan tajwid yang betul adalah fardhu ain bagi setiap pembacaan Al-Quran, maka mempelajari ilmu tajwid yang pada asalnya adalah sunat telah menjadi wajib kerana tuntutan tersebut. Justeru itu, mahasiswa Pusat Asasi KUIS perlu memupuk dalam diri bahawa ilmu tajwid adalah ilmu yang wajib dipelajari bukan hanya memberi tumpuan kepada ilmu dunia sahaja.

RUJUKAN

- Norizan Yusof & Muhammad Nubli Abd Wahab. 2016. Kesan Terapi Meditasi Surah Al-Fatihah Melalui Ujian Biofeedback Dalam Mengurangkan Tekanan Remaja Bermasalah Di Institut Latihan Teknikal. Proceeding 2nd International Social Development Conference 2016. 666-672.
- Mohd Zaki Ahmad & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. Nilai Tauhid Dalam Ruqyah Al-Fatihah: Analisis Pragmatik. Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016. 1906-1916.
- Abdul Hakim Abdullah, Ahmad Azrin Adnan, Rohaizan Baru & Ahmad Amirul Ihsan Che Zahari. 2016. Principles of Islamic Management Based On Surah al-Fatihah. *The Social Sciences @ Medwell Journals*. 5467-5476.
- Muhamad Sidqi bin Ahmad al-Bawruno. 1989. Al-Wajiz fi Idah Qawa'id al-Fiqh al-Kuliyyah cet 2. Riyadh: Maktabah al-Ma'arif
- Ahmad 'Isa 'Asyur. 2003. Al-Fiqh al-Muyassar Beirut: Dar al-Khayr
- Imran Kamal Basah. (2010). Kemahiran bacaan al-Fatihah dalam kalangan jemaah masjid: Kajian di masjidmasjid Daerah Hulu Langat, Selangor. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Saidi Mohd. (2006). Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat di beberapa buah sekolah menengah terpilih di Negeri Terengganu. (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).